

14/01/1998

## Strategi pulih keyakinan

Ebi Azly Abdullah; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Dialog Pasifik Keempat yang berakhir petang ini menyenaraikan beberapa strategi ke arah memulihkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi rantau Asia Tenggara.

Ia termasuk melaksanakan langkah pemulihan di peringkat korporat, negara dan masyarakat antarabangsa serta mencadangkan rombakan kepada beberapa perjanjian perdagangan antarabangsa.

Pengerusi Institut Penyelidikan Strategik dan Antarabangsa (Isis), Tan Sri Dr Noordin Sopiee, berkata di peringkat korporat, pengurusan syarikat perlu lebih telus dan bersikap adil dalam menjalankan operasi masing-masing.

Pada peringkat negara, pula katanya, peserta dialog berpendapat perubahan yang lebih ketara diperlukan bagi mewujudkan kesan positif sesuai, untuk mengembalikan keyakinan pelabur.

"Peserta dialog kali ini juga mengutarakan 22 faktor yang dianggap menjadi punca berlakunya masalah ekonomi di Asia," katanya pada akhir persidangan dua hari itu di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Institut Kajian Dasar, Abdul Rahman Adnan. Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Dr Noordin yang juga antara tiga penganjur dialog berkenaan, berpendapat kehadiran delegasi Amerika Syarikat yang besar dalam dialog kali ini, membuktikan kesungguhan negara itu membantu menangani kegawatan ekonomi.

Menurutnya, dengan diketuai Setiausaha Pertahanan Amerika, William Cohen, kuasa besar dunia itu membuktikan bahawa ia tidak akan membiarkan masalah ekonomi Asia menular ke rantau lain di dunia.

"Cohen dalam ucapan pembukaannya memberi komitmen bahawa Asia boleh meletakkan harapan kepada kehadiran Amerika secara proaktif di rantau ini," katanya.

Ditanya sama ada perwakilan yakin masalah itu boleh diatasi dalam tempoh terdekat, beliau menegaskan kebanyakan asas ekonomi yang menggerakkan pertumbuhan pesat sebelum ini, masih wujud.

(END)